



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 7 TAHUN 2001

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

**PINDAAN BAYARAN DI BAWAH SKIM *EX-GRATIA* BENCANA KERJA
BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM**

Kerajaan telah memutuskan supaya faedah yang sedia ada di bawah Skim *Ex-Gratia* melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1994 bagi pegawai Kerajaan yang ditimpa kemalangan atau kecederaan semasa menjalankan tugas rasmi diperbaiki. Perkara ini telah dimaklumkan semasa pembentangan Ucapan Belanjawan Tahun 2001.

2. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pindaan yang terlibat, seperti berikut:
 - (i) bayaran *ex-gratia* bagi kemalangan dan hilang upaya langsung yang kekal atau kematian akan dibuat secara pukal dan/atau bulanan berdasarkan formula seperti *Lampiran A*;
 - (ii) taksiran tahap hilang upaya seperti *Lampiran B*; dan
 - (iii) penyakit khidmat diiktiraf sebagai bencana kerja seperti *Lampiran C*.

3. Pindaan ini akan memberi faedah kepada kakitangan awam setanding dengan bayaran di bawah Skim PERKESO. Di bawah Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja ini, kakitangan awam tidak perlu membuat caruman, namun terus mendapat faedah hilang

upaya di bawah undang-undang pencen. Oleh yang demikian, faedah di bawah Skim baru ini adalah 20% lebih rendah daripada faedah di bawah Skim PERKESO.

4. Skim *Ex-gratia* Bencana Kerja ini turut dipanjangkan kepada anggota kontrak dan sementara.
5. Skim ini akan diuruskan oleh Panel Pegawai Skim Bayaran *Ex-Gratia* Bencana Kerja di Perbendaharaan. Walau bagaimanapun, urusan pembayaran akan dikendalikan oleh Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam.
6. Pegawai tetap dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional diberi pilihan samada memilih Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja melalui Pekeliling ini atau Skim *Ex-Gratia* di bawah Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1994. Pilihan ini boleh dibuat semasa pegawai mendapat kecederaan manakala dalam kes kematian, keluarga pegawai secara automatik akan mendapat faedah di bawah Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja ini.
7. Pekeliling Perbendaharaan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2001.
8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perbendaharaan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan/Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Samsudin bin Hitam)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

18 September 2001

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia

LAMPIRAN 'A'

**FORMULA BARU BAYARAN EX-GRATIA BENCANA KERJA
DI BAWAH SKIM EX-GRATIA BENCANA KERJA UNTUK SEMUA
PERINGKAT ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM
DAN CONTOH PERKIRAAN**

1. HILANG UPAYA LANGSUNG YANG KEKAL		
Tahap Hilang Upaya	Bayaran dan Formula	Keterangan
Bencana kerja yang mengakibatkan Hilang Upaya Langsung Yang Kekal (HUK) sebanyak 20% atau kurang	<i>Ex-Gratia</i> Pukul (EXP) Formula: $EXP = a \times b \times c \times 0.8$	$a = \frac{(\text{gaji} + \text{elaun}^{1/})}{30} \leq 2000^{2/} \times 0.9$ $b = \%HUK$ mengikut taksiran di Lampiran 'B' $c =$ nilai aktuari semasa mengikut Jadual 9
Bencana kerja yang mengakibatkan Hilang Upaya Langsung Yang Kekal (HUK) yang melebihi 20%	i. <i>Ex-Gratia</i> Pukul (EXP) Formula: $EXP = a \times b \times c \times 0.2 \times 0.8$ ii. <i>Ex-Gratia</i> Bulanan (EXB) Formula: $EXB = (a \times b) - (a \times b \times 0.2) \times 30 \times 0.8$ iii. Elaun Layanan Sentiasa Bulanan (ELS) (jika hilang upaya mencari nafkah 100% dan seseorang itu sentiasa memerlukan layanan tersendiri dari orang lain.) Formula: $ELS = (EXB \times 0.4) \leq RM500^{3/}$	$1/ =$ elaun tetap yang bukan merupakan bayaran balik $2/ =$ tertakluk kepada maksimum RM2,000 sebulan $3/ =$ tertakluk kepada maksimum RM500 sebulan

2. KEMATIAN		
Kematian	Bayaran dan Formula	Keterangan
Bencana kerja yang mengakibatkan kematian	<i>Ex-Gratia</i> Orang Tanggungan Bulanan (EXOT) Formula: $EXOT = a \times 30 \times 0.8$	$a = \frac{(\text{gaji} + \text{elaun}^{1/})}{30} \leq 2000^{2/} \times 0.9$ $1/ =$ elaun tetap yang bukan merupakan bayaran balik $2/ =$ tertakluk kepada maksimum RM2,000 sebulan
<p>Kaedah Pembahagian:</p> <p>i. balu - 3/5 ii. anak - 2/5 atau 3/5 jika tiada balu/duda iii. duda - 3/5 dan mestilah bergantung sepenuhnya atau sebahagian besar kepada pendapatan isteri pada masa kematiannya; iv. ibubapa - 4/10 sekiranya tiada balu/duda atau anak.</p> <p>Syarat-syarat:</p> <p>a. Balu menerima bayaran seumur hidup atau sehingga berkahwin semula mengikut masa yang lebih awal. b. Duda menerima bayaran selagi dia tidak berkahwin semula dan tidak mempunyai pendapatan yang cukup untuk menanggung dirinya sendiri. c. Anak menerima bayaran sehingga berumur 21 tahun atau berkahwin mengikut mana yang lebih awal. Sekiranya masih belajar di pusat pengajian tinggi, bayaran akan diteruskan sehingga mendapat ijazah pertama atau berkahwin mengikut mana yang lebih awal. Bagi anak yang terencat akal atau cacat anggota dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, bayaran akan diteruskan selama anak itu tidak berupaya menyara kehidupannya. Anak termasuk anak kandung, anak tiri yang disara, anak tak sah taraf, anak yang diambil sebagai anak angkat di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau mana-mana adat atau kelaziman dengan bukti yang memuaskan mengenai pengangkatan itu. d. Ibubapa menerima faedah seumur hidup.</p>		

CONTOH PERKIRAAN BAYARAN *EX-GRATIA* BENCANA KERJA

Contoh 1

Seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N9 mengalami bencana kerja yang mengakibatkan hilang upaya kekal sebanyak 12%. Gajinya ialah RM655.60 PIT3, Imbuhan Tetap Khidmat Awam RM80.00 dan Imbuhan Tetap Perumahan RM135.00. Umurnya ialah 21 tahun. Pegawai ini akan menerima bayaran *ex-gratia* secara pukal sebanyak RM21,389.15 seperti perkiraan di *Jadual 1* di bawah.

Contoh 2

Seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik M3 mendapat bencana kerja yang mengakibatkan hilang upaya kekal sebanyak 12%. Gajinya ialah RM1,879.90 PIT6, Imbuhan Tetap Khidmat Awam RM170.00 dan Imbuhan Tetap Perumahan RM165.00. Umurnya ialah 31 tahun. Pegawai ini akan menerima bayaran *ex-gratia* secara pukal sebanyak RM43,079.04 seperti perkiraan di *Jadual 2* di bawah.

<u>Jadual 1: Contoh 1</u>	<u>Jadual 2: Contoh 2</u>
$a = (655.60+80+135)/30 \times 0.9$ $= 876.60/30 \times 0.9 = 26.12$ $b = 12\% (0.12)$ $c = 8530$ $\text{EXP} = a \times b \times c \times 0.8$ $= 26.12 \times 0.12 \times 8530 \times 0.8$ $= \text{RM21,389.15}$	$a = (1879.90+170+165)/30 \times 0.9$ $= 2214.90/30 \times 0.9 = \text{had } 2000/30 \times 0.9 = 60$ $b = 12\% (0.12)$ $c = 7479$ $\text{EXP} = a \times b \times c \times 0.8$ $= 60 \times 0.12 \times 7479 \times 0.8$ $= \text{RM43,079.04}$

Contoh 3

Pegawai yang sama di *Contoh 1* di atas mengalami bencana kerja yang mengakibatkan hilang upaya kekal sebanyak 70%. Pegawai ini akan menerima bayaran *ex-gratia* secara pukal sebanyak RM24,954.00 dan bayaran *ex-gratia* secara bulanan sebanyak RM350.88 sebulan seperti perkiraan di *Jadual 3* di bawah.

Contoh 4

Pegawai yang sama di *Contoh 2* di atas mengalami bencana kerja yang mengakibatkan hilang upaya kekal sebanyak 70%. Pegawai ini akan menerima bayaran *ex-gratia* secara pukal sebanyak RM50,258.88 dan bayaran *ex-gratia* secara bulanan sebanyak RM806.40 sebulan seperti perkiraan di *Jadual 4* di bawah.

<u>Jadual 3: Contoh 3</u>	<u>Jadual 4: Contoh 4</u>
$a = 26.12$ $b = 70\% (0.7)$ $c = 8530$ $\text{EXP} = a \times b \times c \times 0.2 \times 0.8$ $= 26.12 \times 0.7 \times 8530 \times 0.2 \times 0.8$ $= \text{RM24,954.00}$ $\text{EXB} = (a \times b) - (a \times b \times 0.2) \times 30 \times 0.8$ $= (26.12 \times 0.7) - (26.12 \times 0.7 \times 0.2) \times 30 \times 0.8$ $= 18.28 - 3.66 \times 30 \times 0.8$ $= \text{RM350.88 sebulan}$	$a = 60.00$ $b = 70\% (0.7)$ $c = 7479$ $\text{EXP} = a \times b \times c \times 0.2 \times 0.8$ $= 60 \times 0.7 \times 7479 \times 0.2 \times 0.8$ $= \text{RM50,258.88}$ $\text{EXB} = (a \times b) - (a \times b \times 0.2) \times 30 \times 0.8$ $= (60 \times 0.7) - (60 \times 0.7 \times 0.2) \times 30 \times 0.8$ $= 42 - 8.4 \times 30 \times 0.8$ $= \text{RM806.40 sebulan}$

Contoh 5

Pegawai yang sama di *Contoh 1* di atas mengalami bencana kerja yang mengakibatkan hilang upaya kekal sebanyak 100%. Pegawai ini akan menerima bayaran *ex-gratia* secara pukal sebanyak RM35,648.58 dan bayaran *ex-gratia* secara bulanan sebanyak RM501.60 sebulan dan juga Elaun Layanan Sentiasa, jika layak, sebanyak RM200.64 sebulan seperti perkiraan di *Jadual 5* di bawah.

Contoh 6

Pegawai yang sama di *Contoh 2* di atas mengalami bencana kerja yang mengakibatkan hilang upaya kekal sebanyak 100%. Pegawai ini akan menerima bayaran *ex-gratia* secara pukal sebanyak RM71,798.40 dan bayaran *ex-gratia* secara bulanan sebanyak RM1,152.00 sebulan dan juga Elaun Layanan Sentiasa, jika layak, sebanyak RM460.80 seperti perkiraan di *Jadual 6* di bawah.

Jadual 5: Contoh 5	Jadual 6: Contoh 6
$a = 26.12$ $b = 100\% (1.0)$ $c = 8530$	$a = 60.00$ $b = 100\% (1.0)$ $c = 7479$
$EXP = a \times b \times c \times 0.2 \times 0.8$ $= 26.12 \times 1 \times 8530 \times 0.2 \times 0.8$ $= \mathbf{RM35,648.58}$	$EXP = a \times b \times c \times 0.2 \times 0.8$ $= 60 \times 1 \times 7479 \times 0.2 \times 0.8$ $= \mathbf{RM71,798.40}$
$EXB = (a \times b) - (a \times b \times 0.2) \times 30 \times 0.8$ $= (26.12 \times 1) - (26.12 \times 1 \times 0.2) \times 30 \times 0.8$ $= 26.12 - 5.22 \times 30 \times 0.8$ $= \mathbf{RM501.60 \text{ sebulan}}$	$EXB = (a \times b) - (a \times b \times 0.2) \times 30 \times 0.8$ $= (60 \times 1) - (60 \times 1 \times 0.2) \times 30 \times 0.8$ $= 60 - 12 \times 30 \times 0.8$ $= \mathbf{RM1,152 \text{ sebulan}}$
$ELS = (EXB \times 0.4)$ tertakluk kepada had maksimum RM500 sebulan $= \mathbf{RM200.64 \text{ sebulan}}$	$ELS = (EXB \times 0.4)$ tertakluk kepada had maksimum RM500 sebulan $= \mathbf{RM460.80 \text{ sebulan}}$

Contoh 7

Pegawai yang sama di *Contoh 1* di atas mengalami bencana kerja yang mengakibatkan kematian. Orang tanggungannya akan menerima bayaran *ex-gratia* secara bulanan sebanyak RM626.88 sebulan seperti perkiraan di *Jadual 7* di bawah tetapi tertakluk kepada pengagihan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Contoh 8

Pegawai yang sama di *Contoh 2* di atas mengalami bencana kerja yang mengakibatkan kematian. Orang tanggungannya akan menerima bayaran *ex-gratia* secara bulanan sebanyak RM1,440.00 sebulan seperti perkiraan di *Jadual 8* di bawah tetapi tertakluk kepada pengagihan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Jadual 7: Contoh 7	Jadual 8: Contoh 8
$EXOT = a \times 30 \times 0.8$ $= 26.12 \times 30 \times 0.8$ $= \mathbf{RM626.88 \text{ sebulan}}$	$EXOT = a \times 30 \times 0.8$ $= 60.00 \times 30 \times 0.8$ $= \mathbf{RM1,440.00 \text{ sebulan}}$

Jadual 9

NILAI SEMASA AKTUARI BAGI HILANG UPAYA KEKAL

UMUR SEMASA KEJADIAN BENCANA	Faedah Hilang Upaya Kekal	
	Faktor yang perlu didarabkan dengan kadar harian faedah	
Di bawah 20 tahun		8973
20 tahun ke atas tetapi di bawah 25		8530
25 tahun ke atas tetapi di bawah 30		8029
30 tahun ke atas tetapi di bawah 35		7479
35 tahun ke atas tetapi di bawah 40		6876
40 tahun ke atas tetapi di bawah 45		6221
45 tahun ke atas tetapi di bawah 50		5538
50 tahun ke atas tetapi di bawah 55		4880
55 tahun ke atas tetapi di bawah 60		4238
60 tahun ke atas tetapi di bawah 65		3637
65 tahun ke atas tetapi di bawah 70		3099
70 tahun ke atas tetapi di bawah 75		-
75 tahun ke atas tetapi di bawah 80		-
80 tahun ke atas tetapi di bawah 85		-
85 tahun ke atas tetapi di bawah 90		-
90 tahun ke atas tetapi di bawah 95		-
95 tahun ke atas tetapi di bawah 100		-
100 tahun ke atas		-

LAMPIRAN 'B'

TAKSIRAN TAHAP HILANG UPAYA

SENARAI BENCANA	% HILANG UPAYA
SENARAI BENCANA YANG DISIFATKAN SEBAGAI MENGAKIBATKAN HILANG UPAYA LANGSUNG YANG KEKAL	
1. Hilang kedua-dua tangan atau pengudungan di anggota atas	100
2. Hilang sebelah tangan dan sebelah kaki (buku lali ke bawah)	100
3. Pengudungan dua anggota di betis atau pengudungan di betis atau paha di sebelah kaki dan hilang kaki (buku lali ke bawah) yang lagi satu	100
4. Hilang penglihatan sehingga pihak menuntut tidak dapat membuat apa-apa pekerjaan yang memerlukan penglibatan	100
5. Cacat parah pada muka	100
6. Pekak tuli	100
SENARAI BENCANA YANG DISIFATKAN SEBAGAI MENGAKIBATKAN HILANG UPAYA SEPARA YANG KEKAL	
PENGUDUNGAN – ANGGOTA ATAS	
1. Pengudungan di sendi bahu	90
2. Pengudungan di pangkal lengan dengan kudungnya kurang daripada 8" daripada hujung permatang belikat	80
3. Pengudungan daripada 8" daripada hujung permatang belikat hingga kurang daripada 4½" di bawah hujung siku	70
4. Hilang sebelah tangan atau ibu jari dan empat jari sebelah tangan atau pengudungan daripada 4½" di bawah hujung siku	60
5. Hilang ibu jari	30
6. Hilang ibu jari dan tulang pada tapak tangan	40
7. Hilang empat jari sebelah tangan	50
8. Hilang tiga jari sebelah tangan	30
9. Hilang dua jari sebelah tangan	20
10. Hilang tulang ruas hujung ibu jari	20
PENGUDUNGAN – ANGGOTA BAWAH	
11. Pengudungan kedua-dua kaki mengakibatkan kudung menyangga badan ...	80
12. Pengudungan di kedua-dua kaki (buku lali ke bawah) lebih ke pangkal daripada sendi tulang tapak kaki jari kaki	80
13. Hilang semua jari kedua-dua kaki di sendi tulang tapak kaki jari kaki ...	40
14. Hilang semua jari kedua-dua kaki lebih ke pangkal daripada sendi ruas pangkal tengah jari	30

SENARAI BENCANA		% HILANG UPAYA
15.	Hilang semua jari kedua-dua kaki lebih ke hujung daripada sendi ruas pangkal tengah jari	20
16.	Pengudungan di sendi pangkal paha ...	90
17.	Pengudungan di bawah sendi pangkal paha dengan kudungnya tidak lebih daripada 5" panjang di ukur daripada hujung bonggol besar tulang pada ...	80
18.	Pengudungan di bawah sendi pangkal paha dengan kudungnya lebih daripada 5" panjang di ukur daripada hujung bonggol besar tetapi tidak lebih ke hujung daripada tengah paha	70
19.	Pengudungan di bawah tengah paha tidak lebih daripada 3½" di bawah lutut ..	60
20.	Pengudungan di bawah lutut dengan kudungnya lebih daripada 3½" tetapi tidak lebih daripada 5"	50
21.	Pengudungan di bawah lutut dengan kudungnya lebih daripada 5"	40
22.	Pengudungan sebelah kaki mengakibatkan kudung menyangga badan	30
23.	Pengudungan di sebelah kaki (buku lali ke bawah) lebih ke pangkal daripada sendi tulang tapak kaki jari kaki	30
24.	Hilang semua jari sebelah kaki di sendi tulang tapak jari kaki	20
LAIN-LAIN BENCANA		
25.	Hilang sebelah mata, tanpa kesulitan, mata yang sebelah lagi itu dalam keadaan biasa	40
26.	Hilang penglihatan sebelah mata, tanpa kesulitan atau cacat biji mata, mata yang sebelah lagi itu dalam keadaan biasa	30
27.	Hilang pendengaran langsung yang kekal di sebelah telinga	20
HILANG:		
A - Jari Tangan Sebelah Kanan Atau Kiri		
Jari Telunjuk		
28.	Seluruh	14
29.	Dua ruas	11
30.	Satu ruas	9
31.	Pengudungan tetak hujung jari tanpa hilang tulang	5
Jari Hantu		
32.	Seluruh	12
33.	Dua ruas	9
34.	Satu ruas	7
35.	Pengudungan tetak hujung jari tanpa hilang tulang	4

SENARAI BENCANA	% HILANG UPAYA
Jari Kelinking/Manis	
36. Seluruh	7
37. Dua ruas	6
38. Satu ruas	5
39. Pengudungan tetak hujung jari tanpa hilang tulang	2
B - Jari Kaki Kiri Atau Kanan Ibu Jari Kaki	
40. Disendi tapak kaki-jari kaki	14
41. Sebahagian, dengan kehilangan sedikit-sedikit tulang	3
Lain-Lain Jari Kaki	
42. Disendi tapak kaki-jari kaki	3
43. Sebahagian, dengan kehilangan sedikit-sedikit tulang	1
Dua Jari Sebelah Kaki Tidak Termasuk Ibu Jari Kaki	
44. Di sendi tapak kaki-jari kaki	5
45. Sebahagian, dengan kehilangan sedikit-sedikit tulang	2
Tiga Jari Sebelah Kaki Tidak Termasuk Ibu Jari Kaki	
46. Di sendi tapak kaki-jari kaki	6
47. Sebahagian, dengan kehilangan sedikit-sedikit tulang	3
Empat Jari Sebelah Kaki Tidak Termasuk Ibu Jari Kaki	
48. Di sendi tapak kaki-jari kaki	9
49. Sebahagian, dengan kehilangan sedikit-sedikit tulang	3
Penyakit Khidmat	
50. Penyakit khidmat yang dihidapi akibat pekerjaan yang dilakukan seperti senarai di Lampiran 'C'. Taksiran hilang upaya kekal adalah sebagaimana ditetapkan oleh Pegawai Perubatan (Jika seseorang pegawai yang telah bekerja di dalam pekerjaan itu mendapat sesuatu penyakit tersebut itu dalam tempoh 60 bulan selepas berhenti bekerja sedemikian itu, penyakit yang didapati hendaklah, melainkan jika akasnya dibuktikan, disifatkan sebagai bencana kerja yang terbit daripada atau dalam masa pekerjaan)	

Catatan:

Kehilangan langsung dan kekal penggunaan mana-mana anggota yang tersebut diatas hendaklah disifatkan sebagai sama seperti kehilangan anggota itu.

PENYAKIT KHIDMAT

Bil.	Perihal Penyakit atau Bencana Khidmat	Jenis Pekerjaan
1.	Diracuni oleh:	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan:-
	(a) Plumbum atau sebatian plumbum	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap plumbum atau sebatian plumbum atau bahan mengandungi plumbum.
	(b) Fosforus	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap fostorus atau sebatian fosforus atau bahan mengandungi fosforus.
	(c) Arsenik	Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap arsenik atau sebatian arsenik atau bahan mengandungi arsenik atau pendedahan kepada apa-apa larutan yang mengandungi arsenik atau sebatian arsenik.
	(d) Raksa	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap raksa atau sebatian raksa atau bahan mengandungi raksa.
	(e) Karbon bisulfida	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap atau wap karbon bisulfida atau sebatian karbon bisulfida atau bahan mengandungi karbon bisulfida.
	(f) Benzena atau homolog	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap atau wap yang mengandungi, benzena atau apa-apa homolognya serta bahan-bahan terbitan amino dan nitronya.
	(g) Mangan	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap mangan atau sebatian mangan atau bahan mengandungi mangan.
	(h) Berilium	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap berilium atau sebatian berilium atau bahan mengandungi berilium.
	(i) Kadmium	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap kadmium atau sebatian kadmium atau bahan mengandungi kadmium.
	(j) Antimoni	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap antimoni atau sebatian antimoni atau bahan mengandungi antimoni.
	(k) Fluorin	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap fluorin atau sebatian fluorin atau bahan mengandungi fluorin.
	(l) Nikel	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap nikel atau sebatian nikel atau bahan mengandungi nikel.
	(m) Kromium	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap kromium atau sebatian kromium atau bahan mengandungi kromium.
	(n) Organoklorin, organofosfat, karbamat, nitrofenol, pentaklorofenol, dimetilditiokarbamat atau sebatian-sebatian klorofenoksi dan dipiridil	penggunaan atau pengendalian, organoklorin, organofosfat, karbamat, nitrofenol, pentaklorofenol, dimetilditiokarbamat atau sebatian-sebatian klorofenoksi dan dipiridil untuk membinasakan makhluk perosak atau <i>vermin</i> .
	(o) Wasap nitrus	penggunaan atau pengendalian asid nitrik atau pendedahan kepada wasap nitrus.
	(p) Kayu rengas	pengerjaan kayu rengas atau apa-apa proses pengilangan barang-barang daripadanya atau proses yang bersampingan dengan pengilangan barang-barang daripadanya.
	(q) Gas hidrogen sianida atau hidrogen sulfida	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap atau wap gas hidrogen sianida atau hidrogen sulfida.
	(r) Terbitan-terbitan halogen hidrokarbon alifatik atau hidrokarbon aromatik	pengeluaran, pembebasan atau penggunaan hidrokarbon daripada siri alifatik atau siri aromatik dan terbitan-terbitan halogennya.
	(s) Alkohol, glikol, keton atau aldehid	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap atau wap alkohol, glikol, keton atau aldehid.
	(t) Gas karbon monoksida	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, gas karbon monoksida, dan apa-apa proses yang melibatkan penggunaan –

Bil.	Perihal Penyakit atau Bencana Khidmat	Jenis Pekerjaan
		(a) dinamit dan serbut letupan bagi peletusan di lorong-lorong di bawah tanah; (b) gas penyinar; (c) gas kuasa atau gas relau; (d) relau bagas, relau dan dapur untuk membakar kok arang dan bahan-bahan api yang lain; (e) enjin gas.
	(u) Gas karbon dioksida	peletusan, pengilangan air mineral, penapaian di kilang-kilang bir dan pembentukan kapur di tanur-tanur kapur.
	(v) Detilena dioksida (dioksana)	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap atau wap mengandungi dietilena dioksida.
2.	Antraks	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pengendalian benang bulu, rambut, bulu kejur, belulang atau kulit atau hasil-hasil atau baki-baki lain daripada binatang, atau hubungan dengan binatang-binatang yang dijangkiti antraks.
3.	Sardi	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan hubungan dengan binatang jenis kuda atau bangkainya.
4.	Leptospirosis	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja di tempat-tempat yang banyak tikus atau roden yang lain dan apa-apa pekerjaan yang melibatkan penjagaan atau pengendalian, anjing-anjing, lembu kerbau, babi dan kuda atau mana binatang lain yang telah dijangkiti penyakit.
5.	(a) Ulser pada permukaan kornea mata. (b) Ketumbuhan baru setempat pada kulit, berbintil atau berbelulang. (c) Barah epitelium atau ulser pada kulit disebabkan oleh tar, gegala, sekam padi, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga atau apa-apa sebatian, hasil atau baki mana-mana bahan ini.	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, tar, gegala, sekam pagi, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga, habuk organik atau apa-apa sebatian, hasil atau baki mana-mana bahan ini.
6.	Ulser krom	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian asid kromik, kromat atau bikromat amonium, kalium, zink atau natrium, atau apa-apa persediaan atau larutan mengandungi mana-mana bahan ini.
7.	Radang, ulser atau penyakit malignan pada kulit atau tisu subkutis atau pada tulang, atau leukemia, atau anemia jenis aplastik, disebabkan oleh X-ray, zarah mengion, radium atau bahan-bahan radioaktif yang lain atau bentuk-bentuk tenaga sinaran yang lain.	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada X-ray, zarah mengion, radium atau bahan-bahan radioaktif yang lain atau bentuk-bentuk tenaga sinaran yang lain.
8.	Jaundis toksik	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian hidrokarbon berhalogen atau terbitan-terbitan nitron atau amino benzena atau bahan beracun yang lain.

Bil.	Perihal Penyakit atau Bencana Khidmat	Jenis Pekerjaan
9.	Bular panas sinaran	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang kerap atau lama kepada cahaya atau sinar daripada kaca lebur atau logam lebur atau logam merah pijar atau pendedahan yang kerap atau lama kepada sinaran.
10.	Selulitis subkutis atau bursitis parah yang timbul pada atau di sekitar lutut.	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada atau di sekitar lutut.
11.	Selulitis subkutis pada tangan.	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada tangan.
12.	Selulitis subkutis atau bursitis parah yang timbul pada atau di sekitar siku.	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada atau di sekitar siku.
13.	Bengkak pada lapik sinovial sendi pergelangan tangan dan selaput tendon.	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar atau pergerakan tangan atau pergelangan tangan yang kerap atau berulang-ulang.
14.	Kejang haba atau strok panas	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang berlebihan kepada haba.
15.	Kejang tangan atau lengan depan disebabkan oleh pergerakan yang berulang-ulang.	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan tempoh-tempoh yang lama menulis, menaip atau pergerakan-pergerakan lain jari, tangan atau lenganyang berulang-ulang.
16.	Penyakit udara mampat atau keadaan berikutan dengannya.	Apa-apa pekerjaan atau proses yang dijalankan dalam udara mampat atau di bawah air.
17.	(a) Tuberkulosis atau kusta	<p>Apa-apa pekerjaan yang melibatkan hubungan yang rapat atau kerap dengan sumber atau sumber-sumber jangkitan tuberkulosis atau kusta disebabkan oleh pekerjaan –</p> <p>(a) dalam rawatan perubatan seseorang yang mengidap tuberkulosis atau kusta atau dalam sesuatu perkhidmatan yang bersampingan dengan rawatan itu;</p> <p>(b) dalam melayan seseorang yang mengidap tuberkulosis atau kusta, jika layanan itu adalah perlu oleh sebab kelemahan jasmani atau mental orang itu;</p> <p>(c) sebagai seorang penyelidik yang menjalankan penyelidikan berkenaan dengan tuberkulosis atau kusta; atau</p> <p>(d) sebagai seorang pekerja makmal, ahli patologi atau pekerja <i>post-mortem</i>, jika pekerjaan itu melibatkan penggunaan benda yang menjadi sumber jangkitan tuberkulosis atau kusta atau dalam apa-apa pekerjaan yang bersampingan dengannya.</p>
	(b) Viral hepatitis	<p>Apa-apa pekerjaan yang melibatkan –</p> <p>(a) hubungan yang rapat dan kerap dengan darah manusia atau hasil-hasil darah manusia; atau</p> <p>(b) hubungan yang rapat dan kerap dengan sumber jangkitan <i>viral hepatitis</i> kerana bekerja memberikan rawatan perubatan kepada seseorang yang mengidap penyakit <i>viral hepatitis</i>, atau dalam sesuatu perkhidmatan yang bersampingan dengannya.</p>
18.	Rosak pendengaran disebabkan oleh bunyi bising	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang berlebihan kepada bunyi bising industri pada aras tekanan bunyi tinggi yang melebihi 85 desibel bagi tempoh 8 jam.
19.	Dermatitis khidmat	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pengendalian minyak mineral, asid, alkali, habuk atau apa-apa agen, luaran lain yang boleh mengganggu kulit.
20.	Penyakit-penyakit yang disebabkan oleh	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada getaran.

Bil.	Perihal Penyakit atau Bencana Khidmat	Jenis Pekerjaan
	getaran, (gangguan otot, tendon, tulang, sendi, salur darah pinggir atau saraf)	
21.	Barah paru-paru atau mesotelioma disebabkan oleh asbestos	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pelombongan, pemprosesan atau pengendalian benda-benda yang mengandungi asbestos.
22.	Penyakit bronko pulmonari	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang banyak kepada sedutan habuk logam keras, habuk kapas, habuk flaks atau rami atau sisal.
23.	Gangguan paru-paru	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan sedutan sulfur oksida, klorin, fosgen, amonia, bromin, ozon atau nitrogen dioksida.
24.	Asma khidmat yang disebabkan oleh agen-agen pemekaan atau pengganggu	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada sedutan habuk-habuk mineral seperti simen, kuprum, zink, habuk binatang seperti tulang atau rambut, atau habuk yang berasal daripada tumbuhan seperti kapas, kayu, flaks, jut, sekam padi, gabus, rempah, rami, sisal, tembakau, teh, tepung, atau gas atau wap-wap toluena diisosiyanat atau formaldehid.
25.	Pneumokoniosis (silikosis, asbestosis, antrakosilikosis, stanosis, siderosis atau siderosilikosis)	<p>Apa-apa pekerjaan yang melibatkan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) kerja-kerja melombong, mengkuari atau mengerjakan batu silika atau mengerjakan pasir kuarzos kering atau apa-apa endapan kering silika atau baki kering silika atau apa-apa campuran kering mengandungi benda-benda tersebut; (b) pengendalian mana-mana benda yang dinyatakan dalam subperenggan (a) dalam atau bersampingan dengan mana-mana pekerjaan yang disebutkan di dalamnya atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada pekerjaan tersebut; (c) pemecahan, penghancuran atau pengisaran flin atau pengerjaan atau pengendalian flin pecah, hancur atau terkisar atau benda-benda yang mengandungi flim sedemikian atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada pekerjaan tersebut; (d) peletusan pasir dengan menggunakan udara mampat bersama-sama dengan penggunaan pasir kuarzos atau batu silika atau flin yang dihancurkan, atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada peletusan pasir tersebut; (e) pengisaran grafit mineral atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada pengisaran tersebut; (f) pekerjaan di tempat peleburan atau pelaksanaan, atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada, mana-mana pekerjaan yang berikut:- <ul style="list-style-type: none"> (i) pembebasan tuangan keluli daripada bahan siliseus yang melekat; (ii) pembebasan tuangan logam daripada bahan siliseus yang melekat; (g) pengilangan barang-barang tembikar kaolin atau tembikar (termasuk barang tembikar elektrik), dan apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya; (h) pengolahan granit atau batu igneus oleh tukang batu atau penghancuran benda-benda tersebut atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya; (i) penggunaan, atau penyediaan bagi kegunaan, batu giling atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya; (j) pembersihan kerak dandang atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;

Bil.	Perihal Penyakit atau Bencana Khidmat	Jenis Pekerjaan
		<p>(k) pengerjaan atau pengendalian asbestos atau apa-apa campuran asbestos, atau pengilangan atau pembaikan tekstil asbestos atau barang-barang lain yang mengandungi asbestos atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada mana-mana pekerjaan yang disebut terdahulu;</p> <p>(l) pekerjaan di mana-mana lombong (di bawah tanah atau di atas tanah) yang salah satu tujuan pekerjaan melombong itu ialah bagi mendapatkan apa-apa mineral, atau pengerjaan atau pengendalian apa-apa mineral yang diekstrak daripadanya, atau mana-mana pekerjaan yang bersampingan dengannya;</p> <p>(m) pengilangan elektrod karbon bagi kegunaan pengekstrakan elektrolitik aluminium oksida dan apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;</p> <p>(n) pendedahan kepada sedutan habuk yang mengandungi besi dan silika atau hematit;</p> <p>(o) pendedahan kepada sedutan habuk atau wasap timah.</p>
26.	Barah disebabkan oleh :-	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan:-
	(a) 4-aminobifenil	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap 4-aminobifenil atau bahan mengandungi 4-aminobifenil.
	(b) Arsenik	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap arsenik atau bahan mengandungi arsenik.
	(c) Benzena	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap benzena atau bahan mengandungi benzena.
	(d) Benzidina	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap benzidina atau bahan mengandungi benzidina.
	(e) Bis-kloro metil eter	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap bis-kloro metil eter atau bahan mengandungi bis-kloro metil eter.
	(f) Kromium	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap kromium atau bahan mengandungi kromium.
	(g) Hematit	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap hematit atau bahan mengandungi hematit.
	(h) Gas mustard	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada gas mustard atau bahan mengandungi gas mustard.
	(i) 3-naftilamina	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap 3-naftilamina atau bahan mengandungi 3-naftilamina.
	(j) Nikel	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap nikel atau bahan mengandungi nikel.
	(k) Jelaga, tar dan minyak	penggunaan atau pengendalian atau pendedahan kepada jelaga, tar dan minyak.
	(l) Vinil klorida	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap vinil klorida atau bahan mengandungi vinil klorida.
	(m) Hidrokarbon aromatik polisiklik berbentuk zarah	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap hidrokarbon aromatik polisiklik atau bahan mengandungi hidrokarbon aromatik polisiklik
	(n) Akrilonitril	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap akrilonitril atau bahan mengandungi akrilonitril.
	(o) 1, 2- dibromoetana (etilena dibromida)	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap etilena dibromida atau bahan mengandungi dibromida
	(p) Habuk kayu	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, habuk, kayu yang terbit daripada pengilangan keluaran-keluaran kayu.
	(q) Benz-o-pirena	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap benz-o-pirena atau bahan mengandungi benz-o-pirena.
	(r) Formaldehid	penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, gas formaldehid.

Bil.	Perihal Penyakit atau Bencana Khidmat	Jenis Pekerjaan
27.	Penyakit-penyakit fibrotik paru-paru disebabkan oleh :- (a) talkum (b) aluminium (c) arang batu (d) sekam padi	Apa-apa pekerjaan yang melibatkan:- penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, habuk talkum atau bahan mengandungi talkum. penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap aluminium atau bahan mengandungi aluminium. penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, wasap, habuk atau wap arang batu atau bahan mengandungi arang batu. penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada, sekam atau habuk padi atau bahan mengandungi sekam padi

SKIM BAYARAN *EX-GRATIA* BENCANA KERJA BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

1. Pengenalan

- 1.1 Pada tahun 1994, dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 Tahun 1994 (PP 13/94), Kerajaan telah memperkenalkan Skim Bayaran *Ex-Gratia* bagi anggota Perkhidmatan Awam yang ditimpa kemalangan atau kecederaan termasuk yang teraniaya anasir-anasir jahat semasa menjalankan tugas rasmi. Pada tahun 2001, Kerajaan telah menambahbaikkan Skim ini dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2001 (PP 7/2001).
- 1.2 Anggota Perkhidmatan Awam yang diliputi di bawah Skim ini ialah pegawai bertaraf tetap dan kontrak dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Perkhidmatan Kehakiman kecuali mereka dalam perkhidmatan tertentu yang telahpun mempunyai skim yang serupa iaitu Perkhidmatan Tentera, Polis dan Bomba serta perkhidmatan-perkhidmatan lain yang mewujudkan Tabung Amanah di bawah Akta berkenaan. Bagi pegawai sangkut dan pekerja harian (sambilan), mereka juga diberikan perlindungan bencana kerja di bawah peraturan yang berlainan.
- 1.3 Anggota dalam '*manual group*' dan anggota yang menerima gaji kurang daripada RM500.00 sebulan boleh memilih untuk membuat tuntutan faedah di bawah Skim ini jika layak atau di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 mengikut mana yang lebih tinggi.
- 1.4 Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun yang telah menerimapakai PP 13/94 dan PP 7/2001 boleh menggunakan garis panduan ini dalam melaksanakan Skim Bayaran *Ex-Gratia*.
- 1.5 Buku Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan syarat-syarat kelayakan, faedah dan bayaran, tanggungjawab pihak-pihak yang terbabit serta prosedur untuk membuat tuntutan.

2. Kelayakan

2.1 Pegawai yang layak membuat tuntutan adalah mereka yang mengalami bencana kerja semasa menjalankan tugas rasmi. Syarat-syarat tugas rasmi seperti berikut:

- (i) **Tempoh** – bermula dengan perjalanan di laluan yang lazim dari tempat kediaman ke tempat bertugas sehingga sampai balik ke tempat kediaman daripada tempat bertugas dan termasuk perjalanan pergi dan balik dari tempat bertugas ke tempat kediaman pada waktu makan yang diluluskan;
- (ii) **Tempat bertugas** – mana-mana tempat bertugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan; dan
- (iii) **Perkara** – tugas yang berkaitan dengan tugas Jabatan termasuk menghadiri kursus yang diarahkan atau dibenarkan.

2.2 Bencana kerja bermaksud:

- (i) kemalangan/kecederaan yang berlaku di luar kawalan semasa menjalankan tugas rasmi yang mengakibatkan hilang upaya kekal (HUK) atau kematian dan tidak termasuk hilang upaya sementara;
- (ii) penyakit khidmat yang kerana jenis tugasnya menyebabkan dirinya terdedah; dan
- (iii) kemalangan/kecederaan yang mengakibatkan HUK atau kematian disebabkan oleh anasir-anasir jahat yang berlaku pada bila-bila masa akibat daripada tindakan semasa menjalankan tugas rasmi seperti disimbah asid, diracun, dibunuh dan sebagainya.

2.3 Bencana kerja yang dilindungi tidak termasuk perbuatan cuba bunuh diri, bunuh diri dan kematian yang berpunca daripada penyakit dihidapi seperti penyakit jantung, lelah dan lain-lain. Walau bagaimanapun, jika ada unsur-unsur lain yang mengakibatkan kematian berlaku serta-merta semasa bertugas seperti rompak, ugutan, terperangkap dalam lif dan lain-lain, tuntutan boleh dikemukakan untuk pertimbangan.

3. Faedah

3.1 Faedah Skim Bayaran *Ex-Gratia* di bawah PP 7/2001 adalah seperti berikut:

Tahap Kecederaan	Bayaran	Formula	Penjelasan
HUK 20% atau kurang	EXP	$a \times b \times c \times 0.8$	$a = \left[\frac{\text{gaji} + \text{elaun}^{1/}}{30} \right] \leq 2000^{2/} \times 0.9$ 1/ - elaun tetap yang bukan merupakan bayaran balik 2/ - tertakluk kepada maksimum RM2,000 sebulan. b - % HUK. c - nilai aktuari semasa.
HUK melebihi 20%	EXP	$a \times b \times c \times 0.2 \times 0.8$	
	EXB	$[(a \times b) - (a \times b \times 0.2)] \times 30 \times 0.8$	
	ELS (HUK 100% dan perlu layanan orang lain)	(EXB x 0.4) tertakluk kepada maksimum RM500 sebulan	
Kematian	EXOT	$a \times 30 \times 0.8$	

3.2 Jenis Bayaran

- (i) EXP (*Ex-Gratia* Pukul) dibayar sekali (*lump sum*) kepada pegawai yang menuntut.
- (ii) EXB (*Ex-Gratia* Bulanan) dibayar secara bulanan seumur hidup kepada pegawai yang menuntut.
- (iii) ELS (Elaun Layanan Sentiasa) jika layak dibayar secara bulanan kepada pegawai yang menuntut selagi tidak berupaya menguruskan diri.
- (iv) EXOT (*Ex-Gratia* Orang Tanggungan) dibayar secara bulanan kepada waris.

3.3 Pecahan agihan EXOT kepada waris seperti berikut:

- (i) waris merupakan balu/duda dan anak.
 - samada ada anak atau tidak, 3/5 kepada balu (sekiranya lebih seorang dibahagikan sama rata) atau duda yang bergantung sepenuhnya atau sebahagian besar kepada pendapatan isteri. (disahkan oleh Pegawai Kebajikan Daerah); dan
 - 2/5 kepada anak (sekiranya lebih seorang dibahagikan sama rata).

- (ii) waris merupakan anak sahaja.
-3/5 kepada anak (sekiranya lebih seorang dibahagikan sama rata).
- (iii) tiada balu/duda dan anak.
-2/5 kepada ibu dan bapa.

3.4 Syarat-syarat bayaran EXOT

- (i) balu/duda - seumur hidup atau sehingga berkahwin semula.
- (ii) anak - sehingga berumur 21 tahun atau mendapat ijazah pertama dan belum berkahwin.
- (iii) ibu dan bapa - seumur hidup.

3.5 Bagi pegawai tetap dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang dilantik sebelum 01.01.2001 dan mengalami HUK, mereka boleh memilih untuk menerima faedah di bawah PP 7/2001 atau PP 13/94 kecuali bagi kes kematian yang tertakluk kepada PP 7/2001. Di bawah PP 13/94, kadar bayaran adalah sebanyak 72 kali ganda gaji bulanan hakiki atau minimum RM20,000.00 bagi HUK yang menyebabkan hilang pekerjaan dan maksimum 24 kali ganda gaji bulanan hakiki darab peratus HUK bagi HUK yang tidak menyebabkan kehilangan pekerjaan.

4. Langkah-langkah Memproses Permohonan

- Langkah 1 : Pegawai membuat tuntutan.
- Langkah 2 : Ketua Jabatan membuat penyiasatan.
- Langkah 3 : Ketua Setiausaha Kementerian memberi ulasan.
- Langkah 4 : Urusetia di Perbendaharaan memproses permohonan.
- Langkah 5 : Panel Perubatan di hospital membuat taksiran tahap HUK.
- Langkah 6 : Panel Pegawai membuat keputusan jumlah bayaran.
- Langkah 7 : Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Pencen menguruskan bayaran.

5. Peranan Dan Tanggungjawab

5.1 Pegawai yang ditimpa bencana kerja atau waris (balu/duda/anak/ibubapa):

- mendapatkan Laporan Perubatan.
- mendapatkan Laporan Polis.
- mengisi Bahagian A, borang BTX (Lampiran 1) dan menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan.
- mengemukakan borang BTX kepada Ketua Jabatan.

5.2 Ketua Jabatan (bermaksud pegawai yang mengetuai sesebuah organisasi di peringkat Ibu Pejabat).

- menyemak Bahagian A, borang BTX yang diterima daripada pegawai dan memastikan ianya lengkap berserta dokumen-dokumen yang diperlukan.
- menyasat kejadian bencana kerja dan memastikan maklumat yang dikemukakan adalah benar.
- membuat Laporan Penyiasatan dalam Bahagian B, borang BTX dan menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan.
- mengemukakan borang BTX dan dokumen-dokumen yang diperlukan kepada Ketua Setiausaha Kementerian.

5.3 Ketua Setiausaha Kementerian

- menyemak Laporan Penyiasatan dan memastikan dokumen-dokumen yang diperlukan adalah lengkap.
- memberi ulasan dalam Bahagian C, borang BTX samada menyokong atau tidak permohonan berkenaan.
- mengemukakan borang BTX serta dokumen-dokumen lengkap yang diperlukan kepada Perbendaharaan.

5.4 Urusetia Skim Bayaran *Ex-Gratia* (Perbendaharaan, Bahagian Pentadbiran Kewangan)

- menyemak borang BTX dan dokumen-dokumen yang diterima daripada Ketua Setiausaha Kementerian adalah lengkap.
- mengkaji dan memastikan permohonan merupakan kes bencana kerja dan pegawai mengalami HUK/kematian.
- bagi tuntutan Penyakit Khidmat, mengemukakan permohonan berserta Laporan Perubatan pegawai dan butir-butir peribadi ke Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk siasatan dan laporan.

- mengemukakan butir-butir rawatan pegawai kepada hospital yang merawat pegawai semasa bencana untuk penetapan taksiran tahap HUK oleh Panel Perubatan.
- selepas menerima penetapan taksiran tahap HUK daripada Panel Perubatan, mengemukakan permohonan dan syor kepada Unit Audit Dalam, Perbendaharaan untuk pengauditan.
- mengemukakan permohonan dan syor yang telah diaudit kepada Panel Pegawai untuk keputusan jumlah bayaran.
- memaklumkan keputusan Panel Pegawai kepada Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk urusan bayaran dan menyalinkan surat kepada Ketua Setiausaha Kementerian pegawai yang membuat tuntutan sekiranya permohonan diluluskan atau memaklumkan Ketua Setiausaha Kementerian pegawai yang membuat tuntutan, sekiranya permohonan ditolak.

5.5 Pengarah Hospital (hospital di mana pegawai mendapat rawatan bencana yang dialami)

- menubuhkan Panel Perubatan dan bersidang untuk membuat taksiran tahap HUK.
- mengemukakan taksiran tahap HUK kepada Perbendaharaan.


5.6 Panel Pegawai [terdiri daripada wakil-wakil Perbendaharaan, Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen), Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kesihatan dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Operasi)]

- menimbang syor Urusetia Skim Bayaran *Ex-Gratia* dan membuat keputusan mengenai jumlah bayaran.
- keputusan adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan di dalam mana-mana Mahkamah.

5.7 Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen)

- selepas menerima keputusan daripada Perbendaharaan, menyediakan cek/waran bayaran.
- membuat bayaran pukal dan/atau bayaran bulanan kepada penerima serta memaklumkan syarat-syarat mengenai penerimaan bayaran *ex-gratia*.
- menyimpan dan mengemaskinikan maklumat pegawai dalam pengkalan data.
- memaklumkan sebarang perubahan kepada Perbendaharaan.

6. Carta Aliran Tuntutan Bayaran



7. **Pertanyaan**

7.1 Jika ada pertanyaan, sila hubungi:

Seksyen Gaji, Elaun Dan Kemudahan
Bahagian Pentadbiran Kewangan
Perbendaharaan
Aras 4, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Tel: 03 - 88823108/3117
Fax: 03 - 88824324/4325

(f) Jenis Kemalangan : (Tanda ✓ yang mana berkenaan)

- (i) Kemalangan Jalan Raya Pergi Balik Dari Tempat Kediaman Ke Tempat Bertugas
- (ii) Kemalangan Jalan Raya Pergi Balik Dari Tempat Bertugas Ke Tempat Kediaman Pada Waktu Makan
- (iii) Kemalangan Jalan Raya Semasa Bertugas
- (iv) Kemalangan/Bencana Semasa Bertugas
- (v) Kemalangan/Bencana Teraniaya Anasir-anasir Jahat
- (vi) Penyakit Khidmat

12. Saya sahkan maklumat di atas adalah benar dan dokumen-dokumen berikut disertakan bersama ini.

- (a) Laporan Polis
- (b) Laporan Perubatan
- (c) Salinan Kad Pengenalan Pegawai
- (d) Salinan Sijil Lahir Pegawai
- (e) Salinan Kad Pengenalan Balu/Duda (bil. balu:....)
- (f) Salinan Kad Pengenalan/Sijil Lahir Anak (bil. anak:) bagi anak yang belum mencapai umur 21 tahun dan belum berkahwin, anak yang terencat akal, menjadi tak upaya secara fizikal dan tak upaya menanggung dirinya sendirinya.
- (g) Salinan Kad Pengenalan Ibumama(jika tiada balu/duda/anak)
- (h) Salinan Sijil Nikah
- (i) Salinan Sijil Kematian

(Dokumen di perenggan (e) hingga (i) adalah perlu untuk kes kematian pegawai sahaja).

Tarikh:

Tandatangan Pegawai/Waris
Nama Pegawai/Waris :

* Waris adalah balu/duda **dan** jika tiada balu/duda, penjaga bagi anak berumur bawah 21 tahun **dan** jika belum berkahwin, ibu/bapa.

BAHAGIAN B
(Diisi oleh Ketua Jabatan)

13. Laporan Penyiasatan Jabatan:

Saya telah meneliti permohonan di Bahagian 'A' dan membuat siasatan ke atas kemalangan/bencana kerja yang dinyatakan itu. Saya mendapati maklumat yang dikemukakan adalah benar/tidak benar* . Dikemukakan bersama-sama ini dokumen-dokumen berikut:

- | | |
|---|--------------------------|
| (a) Senarai Tugas Pegawai | <input type="checkbox"/> |
| (b) Arahan–arahan Bertugas | <input type="checkbox"/> |
| (c) Salinan Kad Perakam Waktu | <input type="checkbox"/> |
| (d) Lakaran Kasar Laluan Dan Tempat Kemalangan
Jalanraya (Bagi Kes Kemalangan Jalan Raya sahaja) | <input type="checkbox"/> |
| (e) Laporan Penyiasatan Polis
(Bagi Semua Kes Kecuali Penyakit Khidmat) | <input type="checkbox"/> |
| (f) Pengesahan Duda Bergantung Pendapatan Isteri
(Bagi Kes Kematian Pegawai Wanita Sahaja) | <input type="checkbox"/> |

Tarikh: _____
Tandatangan Ketua Jabatan
Nama : _____
Jawatan : _____

* potong mana yang berkenaan

BAHAGIAN C
(Diisi oleh Ketua Setiausaha Kementerian)

14. Saya telah meneliti permohonan di Bahagian 'A' dan Laporan Siasatan di Bahagian 'B' serta dokumen-dokumen yang dikemukakan. Saya menyokong/tidak menyokong* tuntutan ini.

Tarikh: _____
Tandatangan Ketua Setiausaha Kementerian
Nama: _____
Jawatan : _____

* potong mana yang berkenaan